

14 NOV 1999

JANGAN HIRAU SPEKULASI CALON BERTANDING, KATA ABU ZAHAR

JASIN, 14 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin hari ini meminta semua pihak supaya tidak mendengar spekulasi mengenai calon-calon Barisan Nasional (BN) Melaka yang akan bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

Beliau berkata spekulasi sama ada cakap-cakap atau menerusi laporan akhbar hanya akan mengelirukan jentera persiapan BN.

"Otak kita tunggang-langgang sekiranya membaca dan mempercayai laporan akhbar mengenai spekulasi calon pada pilihan raya ini," kata beliau ketika berucap pada majlis penyampian hadiah temasya sukan dan pelancaran tabung komputer Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T), Merlimau, di sini hari ini.

Beberapa akhbar tempatan membuat spekulasi Abu Zahar ialah antara pemimpin peringkat negeri yang dijangka "dipindahkan".

Abu Zahar, yang juga Pengerusi BN Melaka, berkata beliau akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada esok atau lusa bagi pengesahan calon-calon BN yang akan bertanding nanti.

"Hanya setelah perjumpaan itu senarai calon BN yang sebenar akan diketahui," katanya.

Menurutnya yang penting bagi penduduk negeri ini ialah memilih BN bagi meneruskan kestabilan politik, keamanan dan kesejahteraan.

-- BERNAMA

NO AKD